

1976

192

KUALA LUMPUR, 21 DIS. (BERNAMA) -- SETIAP RAKYAT MESTI MEMAHAMI DASAR EKONOMI BARU DENGAN PENUH KEIKHLASAN DAN HATI TERBUKA SERTA TIDAK RAGU-RAGU MELAKSANAKANNYA BERSAMA-SAMA, KATA DR. MAHATHIR MOHAMED MALAM INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PELAJARAN MENEGASKAN HARI INI SESIAPA YANG TIDAK MENERIMA DASAR ITU TIDAK AKAN MENOLONG NEGARA MAJU DAN INI AKAN MEMBAWA AKIBAT BURUK KEPADA DIRI SENDIRI.

KATANYA, RAKYAT JANGANLAH MUDAH BERPUAS HATI KERANA MATLAMAT NEGARA MASEH BELUM TERCAPAI SEPENUHNYA DAN MEMERLUKAN TENAGA DAN SUMBANGAN YANG BANYAK.

NEGARA TIDAK AKAN DAPAT MEMBANGUN JIKALAU RAKYATNYA TIDAK MENGUBAH SIKAP YANG MEMBAWA KE ARAH KEMAJUAN DAN MENYERTAI USAHA-USAHA PEMBANGUNAN MENGIKUT KEUPAYAAN DAN BIDANG MASING-MASING, TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM TAHUNAN KESATUAN MAHASISWA FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

BELIAU MEMINTA PARA-PELAJAR YANG HADIR SUPAYA MENYEDARI HAKIKAT DAN MATLAMAT KERAJAAN DENGAN BERUSAHA UNTUK MENCIPTA KEJAYAAN CEMERLANG YANG AKAN DAPAT MENYAKINKAN MASYARAKAT BAHAWA DOKTOR-DOKTOR BOLEH DILATIH MELALUI BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR. --BERSAMBUNG 2003/BY

££

B606

MAHATHIR-PERUBATAN 2 KUALA LUMPUR

MENGIKUT LAPURAN YANG BELIAU KETAHUI BELIAU TIDAK RAGU-RAGU MENGATAKAN CITA-CITA MEREKA AKAN TERCAPAI SEPERTI YANG DIRENCANAKAN.

IA AKAN MEMBAWA ERTI YANG BESAR KEPADA NEGARA KERANA DISAMPING BIDANGAN DOKTOR BERTAMBAH IA AKAN DAPAT MEMENUHI SEBAHAGIAN KEHENAK DASAR EKONOMI BARU DARI SEGI PERPADUAN KAUM MELALUI PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT+.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, UNIVERSITI KEBANGSAAN BELUM LAGI MENCELUARKAN SISWAZAH-SISWAZAH PERUBATAN SENFIRI SEHINGGA MASA INI SUNGGUHPUN IA TELAH MEMBUKTIKAN KEUPAYAANNYA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR BAHASA MALAYSIA MEMAINKAN PERANAN DI SEMUA BIDANG DAN PERINGKAT PELAJARAN.

BELIAU MENJELASKAN, PELAJARAN PERUBATAN AMAT PENTING MEMANDANGKAN NEGARA MASIH KEKURANGAN DOKTOR SERTA PERKHIDMATAN KESIHATAN UNTUK MENAMPUNG PERMINTAAN PENDUDUK YANG SEMAKIN BERTAMBAH TERUTAMA DI KAWASAN LUAR BANDAR.

KATANYA, MASYARAKAT MENARUH PENUH HARAPAN KEPADA KAKITANGAN DAN TENAGA DOKTOR-DOKTOR SERTA PEGAWAI-PEGAWAI DI BIDANG PERUBATAN TERUTAMANYA DALAM MENJAYAKAN RANCANGAN KESIHATAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA. --BERNAMA 2007/BY